



MAJLIS Konvokesyen Asia e University kali ke-5, 20 September lalu.

Hala tuju AeU jelas

■ 3,000 graduan dirai dalam majlis konvokesyen ke-5

Oleh Hamizah Badiran

hamizah@hmetro.com.my

Hampir 3,000 graduan pelbagai bidang diraikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Asia e University (AeU) kali ke-5 yang berlangsung penuh gilang-gemilang di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pada 20 September lalu.

Peningkatan jumlah graduan pada setiap istiadat bukti kepada komitmen AeU untuk melesarkan pendidikan jarak jauh bukan hanya ke seluruh pelosok 33 negara anggota Asia Cooperation Dialogue (ACD), malah juga melangkaui sempadan.

Istiadat yang berlangsung meriah sejak dari jam 7.30 pagi itu menyaksikan peningkatan penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Doktor dalam Pengurusan Perniagaan (DBA).

Seramai 14 graduan menerima Ijazah PhD dan empat graduan dianugerahkan Ijazah DBA pada tahun ini. Selain Ijazah kedoktoran, majlis turut menyaksikan 374 graduan menerima Ijazah Sarjana, 548 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 846 graduan dianugerahkan Sarjana Eksekutif, di sepanjang tiga sesi konvokesyen yang berlangsung.

Turut disampaikan Anugerah Pengerusi yang diberi kepada Liew Chee Foh, 54, pelajar program Sarjana Pendidikan dengan pengkhususan dalam Pentaksiran dalam Pendidikan dan Anugerah Presiden kepada Hasmah Jamin, 50, pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah) dengan Kepujian.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian Ijazah Pe-

ngerusi Lembaga Pengarah AeU, Profesor Emeritus Tan Sri Syed Jalaludin Syed Salim.

Selain meraikan graduan dari dalam negara, AeU turut menganugerahkan lebih 535 ijazah kepada graduan program PhD dan Sarjana dari Bahrain, Hong Kong, Indonesia, India, Iran, Kenya, Maldives, New Zealand, Pakistan, Somalia, Sri Lanka, Taiwan, United Kingdom, Vietnam dan Zimbabwe.

Tambah manis, Menteri di Kedutaan Republik Zimbabwe di Malaysia, Mafio Matthew Melambo yang memulakan pengajian di AeU pada 2012 secara rasmi turut menerima Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) bersama 138 graduan dari program yang sama hari itu.

Penganugerahan ini membuktikan komitmen dan hala tuju AeU yang jelas dalam menjadi peneraju e-pendidikan yang disegani dan berkaliber.

Istiadat pada kali ini juga menyaksikan 521 pelajar Program Pensiswazahan Guru (PPG) ambilan pertama dan kedua menerima Ijazah Sarjana Muda masing-masing selepas menamatkan 11 semester pembelajaran.

Kumpulan graduan ini antara lebih 3,200 guru dari seluruh pelosok negara yang memilih AeU sebagai pusat pembelajaran dalam melengkapkan proses menaik taraf tahap pendidikan guru dari diploma kepada Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di bawah naungan PPG.

Selaku pemain utama yang menawarkan Pendidikan Terbuka Jarak Jauh (ODL) di Malaysia, AeU sehingga hari ini berjaya merekodkan lebih 21,000 pelajar berdaftar di 65 negara dari seluruh dunia.